

PRULink Strategic Managed Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	<p>PRULink Strategic Managed Fund (“Dana”) bertujuan untuk memberi pertumbuhan modal sederhana dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam gabungan pendapatan tetap dan sekuriti ekuiti secara langsung, atau tidak langsung melalui penggunaan dana pelaburan. Dana ini akan memperuntukkan antara 70% hingga 90% dalam pendapatan tetap dan 10% kepada 30% dalam ekuiti.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Strategi Pelaburan Dana ini akan melabur dalam gabungan pelaburan pendapatan tetap dan ekuiti secara langsung, atau tidak langsung dengan penggunaan dana pelaburan [Dana(-Dana) Sasaran] untuk mencapai objektif pelaburan.</p> <p>Pendekatan Pelaburan Pengurus Dana akan memperuntukkan secara taktikal antara dua kelas aset berdasarkan faktor-faktor seperti psikologi pasaran, asas ekonomi dan penilaian pasaran.</p> <p>Bagi pelaburan pendapatan tetap terus dan ekuiti, Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan mereka yang berdisiplin dan didorong oleh penilaian boleh menjana pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Mereka bertujuan mengeksploitasi peluang di kedua-dua peruntukan asset dan peringkat sekuriti pemilihan melalui penyelidikan dan pengurusan portfolio dalaman aktif, dengan memberi tumpuan untuk memaksimumkan pulangan pada tahap risiko yang boleh diterima.</p> <p>Ketidakcekapan penetapan harga yang disebabkan oleh tingkah laku pelabur yang tidak munasabah boleh dieksploitasi melalui penyelidikan dan pengurusan portfolio dalaman aktif. Eksploitasi kesilapan penetapan harga sekuriti yang berjaya dan berkekalan memerlukan aplikasi pendekatan yang didorong oleh penilaian yang berdisiplin.</p> <p>Proses mereka bertujuan untuk menyingkirkan sifat berat sebelah yang menyebabkan kesilapan penetapan harga pada mulanya. Pengurus Dana mengaitkan andaian konservatif kepada ramalan pendapatan mereka untuk memastikan bahawa sasaran penilaian dalaman boleh dicapai. Pada masa yang sama, mereka tidak akan menyingkirkan peluang yang berpotensi dengan mengambil risiko yang dikira dalam tempoh kemudahubahan yang didorong oleh kejadian.</p> <p>Pengurus Dana bertuju kepada tahap konsisten yang tinggi dalam prestasi jangka panjang bagi semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan pelaburan yang tegas dan profesional.</p> <p>Bagi pelaburan pendapatan tetap terus dan ekuiti yang dilaburkan secara tidak langsung menerusi [Dana(-Dana) Sasaran], Dana(-Dana) Sasaran akan diawasi untuk menilai prestasi, proses, gaya dan kedudukan. Peruntukan ke, atau ke Dana(-Dana) Sasaran mungkin akan berubah sekiranya ia dianggap tidak sesuai bagi mencapai objektif Dana.</p> <p><i>Nota: Sila rujuk kepada keterangan tambahan untuk maklumat mengenai Dana(-Dana) Sasaran.</i></p>
Peruntukan Aset	<p>Dana akan melabur di antara 70% ke 90% Dana NAV dalam pendapatan secara langsung, atau tidak langsung menerusi [Dana(-Dana) Sasaran] yang ditentukan oleh Pengurus Dana.</p> <p>Dana juga akan melabur di antara 10% ke 30% Dana NAV dalam ekuiti secara langsung, atau tidak langsung menerusi [Dana(-Dana) Sasaran] yang ditentukan oleh Pengurus Dana.</p>

PRULink Strategic Managed Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan


	Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	80% Maybank 12 Month Tier 1 Fixed Deposit Rate dan 20% Financial Times Stock Exchange Bursa Malaysia 100 Index (FBM100) <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.maybank2u.com dan www.bursamalaysia.com/market</i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
Yuran & Caj	
Caj Pengurusan Dana	1.10% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

PRULink Strategic Managed Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana

PRULink Strategic Managed Fund Vs. 80% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate + 20% Financial Times Stock Exchange Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM100)



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Strategic Managed Fund	Piawain Prestasi 80% 12 Month Maybank Fixed Deposit Rate + 20% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM100)
2017	3.39% *	4.22% *
2018	2.84%	0.61%
2019	7.11%	1.98%
2020	4.11%	2.76%
2021	-1.85%	0.68%

*Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2021

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n-1} - 1 \right) \%$$

Nota: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

PRULink Strategic Managed Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Maklumat tambahan untuk PRULink Euro Equity Fund

Sejak pelancaran Dana sehingga 21 Oktober 2018, **PRULink Strategic Managed Fund** melabur dalam dua Dana Sasaran iaitu Eastspring Investments Bond Fund dan Eastspring Investments Equity Income Fund. Kedua-dua Dana Sasaran diuruskan oleh Eastspring Investments Berhad. Piawaian prestasi Dana pada tempoh ini adalah 80% Quant Shop Malaysian Government Securities (MGS) Medium Index + 20% Financial Times Stock Exchange Bursa Malaysia 100 Index (FBM100).

Berkuatkuasa bermula dari 22 Oktober 2018, pelaburan Dana akan diperuntukkan semula ke **PRULink Golden Bond Fund**, **PRULink Bond Fund**, **PRULink Equity Income Fund** dan **PRULink Equity Focus Fund**. Keempat-empat Dana Sasaran diuruskan oleh Eastspring Investments Berhad. Sejalan dengan perubahan strategi pelaburan Dana, piawaian prestasi juga akan diubah ke 80% Maybank 12 Month Tier 1 Fixed Deposit Rate + 20% Financial Times Stock Exchange Bursa Malaysia 100 Index (FBM100).

Dana akan memperuntukkan secara taktikal antara 70% ke 90% ke dalam pendapatan tetap dan 10% ke 30% ke ekuiti.

PRULink Golden Bond Fund melabur dalam sekuriti pendapatan tetap, bon korporat dan deposit tetap yang terpilih secara langsung, atau tidak langsung menerusi **PRULink Funds** atau dana pelaburan yang lain, yang melabur dalam portfolio yang mempunyai aset-aset yang lebih kurang sama. Ia juga mungkin akan melabur dalam instrumen kewangan yang lain untuk digunakan sebagai lindung nilai portfolio. Ia juga mungkin akan melabur secara separa dalam aset-aset asing untuk mencapai objektif pelaburan.

Prestasi dana bagi dana dasar **PRULink Golden Bond Fund** pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	2012
Prestasi Bersih	-2.34%	4.01%	8.32%	3.93%	3.80%	3.93%	3.14%	2.93%	1.66%	3.98%

Source: Lipper IM, 31 Disember 2021

PRULink Bond Fund melabur dalam portfolio sekuriti pendapatan tetap, bon korporat dan deposit tetap.

Prestasi dana bagi dana dasar **PRULink Bond Fund** pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	2012
Prestasi Bersih	-1.21%	4.73%	8.24%	4.45%	4.47%	4.46%	3.66%	3.45%	2.17%	4.51%

Source: Lipper IM, 31 Disember 2021

PRULink Equity Income Fund melabur dalam portfolio pelbagai yang mengandungi saham berkualiti tinggi dan stok membuahkan dividen yang tersenarai dalam Bursa Malaysia, yang mempunyai atau berpotensi untuk mendapatkan pulangan dividen yang menarik.

Prestasi dana bagi dana dasar **PRULink equity income fund** pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015
Prestasi Bersih	0.40%	3.34%	2.44%	-4.68%	14.24%	2.86%	1.11% *

*Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Source: Lipper IM, 31 Disember 2021

PRULink Equity Focus Fund mengikut pendekatan pelaburan yang fokus dengan melabur ke dalam lebih kurang 30 saham Malaysia berkualiti yang dijangka untuk memberikan peningkatan wang modal dan potensi pendapatan dalam jangka masa sederhana hingga panjang. Ia juga mungkin dapat mengurangkan kemungkinan kelemahan ekuiti dengan memperuntukkan sehingga 20% NAV dana ke dalam sekuriti pendapatan tetap Malaysia, instrumen pasaran wang dan deposit.

Pengurus Dana bagi **PRULink Equity Focus Fund** tidak dihalang oleh piawaian prestasi pasaran i.e. pengurus dana adalah 'sadar akan piawaian prestasi' tetapi tidak diharuskan untuk melabur ke dalam stok yang merupakan sebahagian besar daripada barometer pasaran seperti FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index, jika stok tersebut tidak memenuhi kriteria pemilihan pengurus dana.

PRULink Strategic Managed Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Prestasi dana bagi dana dasar PRULink Equity Focus Fund pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015
Prestasi Bersih	-0.55%	15.00%	2.99%	-5.41%	18.49%	-3.08%	1.30% *

*Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Source: Lipper IM, 31 Disember 2021

Yuran pengurusan mungkin akan dicaj pada peringkat Dana dan/atau Dana(-Dana) Sasaran. Anda akan dicaj maksimum 1.10% setiap tahun, yang merupakan gabungan caj pengurusan dana tahunan pada peringkat Dana dan Dana(-Dana) Sasaran.

Dana(-Dana) Sasaran dengan strategi pelaburan untuk melabur dalam Exchange Traded Funds ("ETF") atau Collective Investment Schemes mungkin akan menyebabkan perbelanjaan tambahan pada peringkat Dana(-Dana) Sasaran dimana ia diambil sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan untuk memberikan prestasi dana.

Risiko-Risiko Pelaburan

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi bagi kerugian yang mungkin disebabkan oleh perubahan tidak baik kepada keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya adalah, disebabkan oleh, dalam kalangan, ekonomi dan kestabilan politik. Jika pasaran di mana Dana ini melabur mengalami kejatuhan atau ketidakstabilan yang disebabkan oleh keadaan pasaran atau ekonomi yang tidak baik, ini mungkin akan memberi kesan buruk kepada harga pasaran bagi Dana pelaburan.

Risiko Saham / Penerbit

Risiko ini merujuk kepada risiko individu setiap syarikat yang menerbitkan sekuriti. Risiko spesifik termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perubahan cita rasa dan permintaan pengguna, saman perundangan, persekitaran operasi yang kompetitif, perubahan suasana industri, dan kesilapan dan kecuaihan pengurusan. Walau bagaimanapun, risiko ini diminimumkan dengan melabur dalam pelbagai syarikat dari sektor yang berbeza, justeru berfungsi secara bebas antara satu sama lain.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana Sasaran yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana Sasaran merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana Sasaran untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjejaskan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang.

Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

Risiko Kredit / Kemungkiran

Bon adalah terdedah kepada risiko kredit / kemungkiran sekiranya penerbit instrument tersebut menghadapi masalah kewangan, yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kredit mereka. Ini mungkin boleh menjurus kepada pengingkaran dalam pembayaran utama dan faedah.

PRULink Strategic Managed Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Risiko Negara

Risiko ini merujuk kepada perubahan dan perkembangan dalam pengawalan, politik dan ekonomi negara. Pelaburan mungkin terjejas oleh ketidakpastian dalam negara pelaburan seperti perkembangan politik domestik, sekatan pelaburan asing dan penghantaran balik mata wang, perubahan dalam dasar-dasar kerajaan, perubahan dalam cukai dan perkembangan lain dalam undang-undang dan peraturan. Di samping itu, kekurangan ketersediaan untuk maklumat awam, infrastruktur perundangan dan kekurangan kesamaan dalam perakaunan, pengauditan dan piawaian pelaporan kewangan atau amalan peraturan dan syarat lain mungkin mengurangkan tahap perlindungan pelabur yang diberikan. Sebahagian daripada sekuriti mungkin tertakluk kepada cukai kerajaan atau menanggung perbelanjaan penjaga yang lebih tinggi yang boleh mengurangkan hasil sekuriti tersebut.

Risiko Ketidapatuhan

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidapatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidakpatuhan dan maka menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

Risiko Tumpuan

Ini adalah risiko di mana dana menumpukan sebahagian besar asetnya dalam skop pilihan pelaburan yang kecil. Sebarang kejatuhan harga dalam ekuiti dan/atau pendapatan tetap pelaburan tertentu akan memberi impak yang besar kepada dana dan seterusnya menyebabkan kerugian yang besar. Risiko ini boleh diminimumkan oleh pengurus dengan melakukan analisa asas yang teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

Risiko Syarikat Pengurusan

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kecekapan dan pengetahuan oleh syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai kekurangan dalam kualiti-kualiti di atas, ia mungkin akan memberi kesan buruk kepada prestasi Dana.

Risiko Inflasi

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

Risiko Pengurus Pelaburan

Pengurusan Dana yang lemah akibat daripada kekurangan pengalaman, pengetahuan, kepakaran dan teknik pengurusan yang lemah akan memberikan impak yang negatif ke atas prestasi Dana. Ini menyebabkan pelabur mengalami kerugian atas pelaburan dalam Dana.

Risiko Mata Wang

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang Dana Sasaran. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

Risiko Derivatif

Derivatif mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada risiko mata wang.

Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana Sasaran atau Dana-Sub (secara kolektif dikenali sebagai "Dana Sasaran")

Risiko Sekuriti

Pergerakan harga yang buruk sekuriti tertentu dilaburkan oleh Dana Sasaran boleh memberi kesan negatif kepada nilai aset bersih Dana Sasaran. Pengurus Pelaburan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti tertentu melalui kepelbagaian portfolio, yang akan membantu dalam penyebaran unsur risiko.

Risiko Pengurusan Dana Dana Sasaran

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana Sasaran, ia tidak

PRULink Strategic Managed Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana Sasaran dan objektif pengurusan akan dipenuhi adalah tidak dijamin. Ini mungkin menyebabkan pemegang-pemegang polisi mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana Sasaran.

Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang Pengurus Dana menganggapnya lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

Risiko Kesilapan dalam Pengiraan Nilai Aset Bersih Dana Sasaran

Terdapat kemungkinan wujudnya kesilapan dalam pengiraan nilai aset bersih Dana Sasaran. Sekiranya kesilapan itu berlaku, nilai aset bersih Dana Sasaran akan terjejas dengan itu, Dana Sasaran akan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam peruntukan peraturan berkaitan yang berkenaan dengan Dana Sasaran. Pampasan, jika ada, yang dibayar oleh Dana Sasaran (tertakluk kepada undang-undang bidang kuasa di mana Dana Sasaran itu bermastautin), akan dikreditkan kepada Dana ini sebagaimana dan apabila pampasan diterima.

Memandangkan perkara tersebut di atas, pemegang-pemegang polisi perlu sedar bahawa terdapatnya keadaan di mana baik Dana Sasaran mahupun Pengurus Dana tidak akan terikat untuk membayar pampasan kepada pemilik benefisial yang terakhir.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana Sasaran yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana Sasaran merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana Sasaran untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

Risiko Negara-Negara atau Sekuriti-Sekuriti Asing

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti-sekuriti tersenarai atau bermastautin di negara-negara selain daripada negara mastautin. Sebarang perubahan-perubahan dalam asas ekonomi, kestabilan sosial dan politik, ketidakpastian atau perubahan dalam mata wang rasmi negara, pergerakan mata wang dan dasar pelaburan asing di negara-negara ini boleh meningkatkan turun naik dalam nilai-nilai aset, kecairan dan risiko kemungkiran yang mungkin mempunyai kesan ke atas harga-harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana Sasaran dan maka juga boleh menjejaskan nilai aset bersih Dana Sasaran.

Pelaburan di pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti-sekuriti mungkin dilarang dan dihad disebabkan oleh keperluan kawal selia. Sekatan-sekatan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan memberi kesan negatif kepada kecairan sekuriti dan harga yang berkaitan dengan sekuriti.

Pengurus Pelaburan akan memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset-aset Dana Sasaran diperuntukkan. Di samping itu, Pengurus Pelaburan juga akan menggunakan proses pelaburan yang sistematik, yang merangkumi penilaian yang kerap, untuk menguruskan dan mengurangkan risiko ini.

Risiko Mata Wang

Pelaburan dasar Dana Sasaran ini mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berlainan daripada mata wang Dana Sasaran. Prestasi Dana Sasaran mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang pelaburan dasar dan mata wang Dana Sasaran.

Risiko Caj-Caj kepada Modal

Caj-caj dan perbelanjaan Dana Sasaran adalah diambil daripada modal, secara keseluruhan atau sebahagian, menyebabkan kemungkinan kekangan pertumbuhan modal.

Sekatan pada Pelaburan Asing

Beberapa negara melarang atau mengenakan sekatan yang teguh pada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh entiti-entiti asing. Terdapat juga keadaan di mana pesanan pembelian kemudiannya gagal kerana peruntukan yang dibenarkan kepada pelabur asing telah diisi, melucutkan keupayaan Dana Sasaran untuk membuat pelaburan yang diinginkan pada masa tersebut.

Risiko Derivatif

Pengurus Dana Sasaran mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang

PRULink Strategic Managed Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpilan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran ini. Pengurus Dana Sasaran tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpilan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindungi dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana Sasaran tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana Sasaran ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana Sasaran.

Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.

Pengurusan Risiko

Risiko Ramalan

Risiko yang berpotensi diambil kira dalam proses peruntukan sektor dan pemilihan saham berdasarkan analisis dalam pelbagai faktor utama seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti.

Kawalan Sistem

Parameter risiko ditetapkan secara dalaman bagi setiap dana, bergantung kepada profil risiko pelanggan. Parameter risiko termasuk had pertaruhan penerbit, penerbit kumpulan, ketarafan sektor dan saiz terbitan sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Sistem pejabat depan ditempatkan untuk memantau risiko portfolio, bertindak sebagai penapis automatik untuk sebarang had-had atau pelanggaran.

PRULink Strategic Managed Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none">• Pasaran Sasaran	<p>Dana ini sesuai untuk Pemegang Polisi yang:</p> <ul style="list-style-type: none">• Mencari peningkatan modal stabil dalam tempoh pelaburan sederhana ke jangka panjang.• Mempunyai toleransi risiko yang rendah ke sederhana.
<ul style="list-style-type: none">• Dasar & Kekerapan Tarikh Penilaian	<ul style="list-style-type: none">• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.• Harga Unit Dana pada mana-mana Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.• Nilai Dana ialah nilai semua aset Dana selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.• Syarikat akan menilai Dana ini tersebut pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai Dana ini yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit Dana ini akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Orang Diinsuranskan selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).• Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.
<ul style="list-style-type: none">• Keadaan-keadaan Luar Biasa	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana PRULink tersebut. <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>